

METODOLOGI DAKWAH DARI WASIAT NABI S.A.W KEPADA MUAZZ BIN JABAL R.AHN

Mohd Asri Ishak, Hamzah Omar, Mohd Norzi Nasir

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

asri@kuis.edu.my

ABSTRAK

Dewasa kini, gerakan dakwah berkembang selari dengan peredaran zaman,namun manhaj dan metodologi dakwah yang ada pada gerakan dakwah kini kurang memerhatikan intipati dakwah konvensional yang diajar oleh Rasulullah S.A.W. Medan dakwah merupakan satu medan yang sangat luas untuk diterokai,ianya merupakan medan juang para utusan Allah untuk mengembalikan manusia kepada mengesakan Allah s.w.t.Nabi s.a.w. adalah sebaik-baik ikutan dan contoh bagi para daie ,satu wasiat agung telah nabi titipkan taktala Nabi mengutus Muaz bin Jabal Radiyallahhu anhu ke Yaman untuk berdakwah kepada golongan Ahli Kitab. Bersumberkan wasiat Nabi s.a.w. kepada Muaz bin Jabal Radiyallahhu anhu ini, kajian dilakukan bagi mengeluarkan intipati dakwah yang terdapat pada wasiat agung dan pelaksannya di zaman Rasulullah S.A.W. untuk menjadi pedoman dan rujukan para daie sepanjang zaman. Bagi menyempurnakan kajian ini, metodologi yang digunakan adalah berasaskan pegumpulan data, analisis maklumat dan kualitatif kepustakaan. Data yang dikumpulkan adalah berasaskan kitab-kitab hadith dan kitab-kitab syarah hadith yang muktabar, selain itu tesis-tesis,jurnal dan artikel –artikel ilmiah juga digunakan bagi melengkapkan kajian ini. Jangkaan dapatan adalah metod dakwah diwasiatkan oleh Rasulullah S.A.W kepada Muaz bin Jabal adalah terdiri dari tiga elemen utama iaitu akidah sebagai elemen terpenting dalam metod dakwah kepada ahli kitab. Kemudian diikuti oleh elemen ibadah dan akhlak sebagai pelengkap jatidiri seorang Muslim. Diharap kajian ini dapat menjadi panduan kepada para dai'e ketika menyampaikan dakwah mereka supaya lebih tersusun dan berkesan.

Kata Kunci: Metodologi Dakwah, Muazz Bin Jabal R.Ahn, Wasiat Nabi S.A.W

1. LATAR BELAKANG MUAZZ BIN JABAL RADIYALLAHU ANHU

i. Nama dan silsilah keturunan.

Nama beliau ialah Muazz bin Jabal bin Amru bin Auss bin A'iez bin A'di bin Kaab bin Amru bin A'di bin Saad bin Ali bin Asad bin Sardah bin Tazid bin Jusyum bin Khazraj Al Ansori Al Khazraji.¹ Kuniyyah beliau ialah Abu Abdurrahman.

ii. Tempat dan tahun kelahiran.

Beliau di lahirkan di kota Madinah yang sebelumnya di kenali sebagai Yathrib, 18 tahun sebelum Nabi s.a.w. berhijrah ke Madinah.² Beliau merupakan pembesar bagi kabilah Auss dan Khazraj yang mana kedua kabilah ini merupakan 2 kabilah yang berpengaruh di Madinah ketika itu.

iii. Keislaman Muazz bin Jabal Radiyallahu an hu.

Muaaz bin Jabal *radiyallahu anhu* telah memeluk Islam pada usia beliau 18 tahun , beliau telah memeluk Islam setelah tertarik dengan dakwah yang dibawa oleh Mus'ab bin Umair *Radiyallahu anhu* , beliau merupakan salah seorang dari 70 orang yang menyertai perjanjian *Baiatul Aqabah* yang kedua. Setelah mengucapkan penyaksian dan syahadahnya pada Islam, Muazz bin Jabal *Radiyallahu an hu* telah menghancurkan berhala yang ada di perkampungannya sebagai bukti atas kebenaran Imanya kepada

¹) Al – Baghawi, *Mu'jam As Sohabah*, tahqiq: Muhammad Al- Amin, maktabah Dar Al –Bayan,- Kuwait, 2000 , ms 5/265.

²) Saifuddin Al –Khatib, *Silsilah A'lam As-Sohabah, As Sohabiyul Jalil Muaz Bin Jabal Radiyallahu anhu*, Muassasah Izzuddin –Bierut, 1981 ,ms 22.

Allah s.w.t dan bencinya dia kepada kesyirikan, dengan perbuatannya itu telah membuka pintu hidayah kepada Ammru bin Jumuh salah seorang pembesar Bani Salamah untuk memeluk Islam.³

iv. Tahun kewafatan Muaz bin Jabal *Radiyallahhu an hu*.

Muaz bin Jabal *Radiyallahhu an hu* telah meninggal dunia pada tahun ke lapan belas selepas hijrah semasa pemerintahan Khalifah Umar bin Al Khattab *radiyallahhu an hu*. Beliau meninggal dunia di Sham akibat serangan penyakit taun yang merebak di Sham ketika itu , beliau meninggal dunia pada usia yang muda ketika umurnya 38 tahun.Moga Allah memberkati dan meredhai kehidupan Muaz Bin Jabal *Radiyallahu anhu* .⁴

2. KELEBIHAN DAN PUJIAN NABI S.A.W KEPADA MUAAZZ BIN JABAL RADIYALLAHU AN HU.

Muazz bin Jabal *Radiyallahhu anhu* merupakan seorang yang berani dan tangkas dalam peperangan, beliau menyertai semua peperangan yang disertai oleh Rasulullah s.a.w dan beberapa peperangan besar setelah kewafatan Nabi s.a.w. seperti peperangan *Khims* dan peperangan Yarmuk.⁵

Beliau juga merupakan seorang cediakawan di kalangan para sahabat, beliau merupakan salah seorang dari 6 orang *fuqaha'* yang ada di Madinah pada masa Nabi s.a.w masih hidup.

Berkata Sofwan bin Salim: Tiada sesiapa pun yang boleh memberikan fatwa pada zaman Nabi s.w.a. di Madinah kecuali Umar, Ali, Muaz dan Abu Musa *Radiyallahu an hum ajmain*.⁶

Muaz R.ahn juga merupakan salah seorang sahabat yang pandai dan mahir dalam pembacaan al Quran, beliau merupakan antara sahabat yang menjadi rujukan ketika mana Al-Quran ingin dibukukan. Kemahiran dan kepandaian Muazz *Radiyallhu an hu* dalam bidang Al-Quran diakui dan dibenarkan oleh Rasulullah s.a.w : bersabda Nabi s.a.w.(bacalah dan pelajarilah Al-Quran dari 4 orang ini , Ibnu Mas'ud , Salim Maula Abi Khuzaiyah , Ubai dan Muaz bin Jabal).⁷

Nabi s.a.w telah memberikan penyaksian atas ilmu yang ada pada Muazz dan kepakaran beliau dalam hukum hakam syariat Islam. Dari Anas bin Malik , telah bersabda Nabi s.a.w. (Ummat aku yang paling penyayang kepada ummat aku adalah Abu Bakar , yang paling tegas atas pendirian ialah Umar , yang paling pemalu adalah Usman , yang paling mengetahui hukum halal dan haram adalah Muazz).⁸

Nabi s.a.w. juga pernah menyatakan rasa sayangnya pada Muazz bin Jabal *radiyallahhu anhu* .Muaz *radiyallahhu anhu* pernah bercerita : Suatu hari Nabi s.a.w. pernah mengambil

³) Al-Baghawi, *Mu'jam As Sohabah*, ms 5/268.

⁴) Izzuddin Ibnu Athir ,*Usudul Ghabah fi Ma'rifatul As Sohabah*,Dar Kutub Ilmiah –Bierut, 1994, ms 15/87.

⁵) Shamsuddin Abu Abdullah Muhammad bin Ahmad Az Zahabi, *Siar A'lam An Nubala'*, Muassasah Ar Risalah, 1985, ms 1/443-444.

⁶) Abu Nuaim Al- Asbahani, *Ma'rifah As Sohabah*, tahqiq: Adil bin Yusof Al Azazi, Dar Al Watan –Riyadh, 1998,ms 5/2431.

⁷) Hadis ini riwayat Al Bukhari, Kitab: Manaqib Al Ansar, Bab: *Manaqib Muaz Bin Jabal Radiyallahhu an hu* , no hadis : 4806, ms 5/36.

⁸) Hadis riwayat At Tirmizi, Bab: *Manaqib Muaz bin Jabal Zaid bin Thabit Ubaidillah bin Jarrah radiyallahhu an hum*, no hadis: 3790, ms 6/ 135.

tangannya, kemudian Nabi s.a.w. berkata kepadanya : Wahai Muaz , sesungguhnya aku menyayangimu, kemudian aku membalas : Demi ayah dan ibuku wahai Rasulullah aku juga menyayangi mu , Nabi berkata : Aku wasiatkan kepadamu wahai Muaz , jangan engkau tinggalkan doa ini setiap kali di akhir solat mu , Ya Allah bantulah aku untuk aku sentiasa mengingati Mu , bersyukur kepada Mu , dan memperelokkan ibadahku kepadaMu.⁹

Nabi juga pernah memuji Muaz bahawa dia adalah sebaik-baik lelaki, dari Abu Hurairah Radiyallahhu anhu, Nabi s.a.w. bersabda: Sebaik-baik lelaki adalah Abu Bakar, sebaik-baik lelaki adalah Umar, sebaik- baik lelaki adalah Abu Ubaidah bin Al-Jarrah, sebaik-baik lelaki adalah Usaid bin Khudair, sebaik-baik lelaki adalah Thabit bin Qais, sebaik-baik lelaki adalah Muaz bin Jabal, dan sebaik-baik lelaki adalah Muaz bin Amru bin Jumuh.¹⁰

3. TEKS WASIAT NABI S.A.W KEPADA MUAZ BIN JABAL RADIYALLAHHU AN HU.

Nabi s.a.w. telah memilih Muaz bin Jabal *Radiyallahhu anhu* untuk membawa risalah tauhid dan Islam ke Yaman. Pemilihan Muaz *Radiyallahhu an hu* adalah kerana kelayakkan yang ada pada dirinya. Ketinggian dan kemampuan ilmu yang ada ditambah dengan akhlak budi pekerti yang mulia menjadikan dia adalah calon yang layak untuk berdakwah dan membawa risalah Islam ke sana.

Beliau telah ke Yaman pada tahun ke sepuluh hijrah sebelum Nabi s.a.w melaksankan haji nya yang terakhir.¹¹

Menurut Imam Zhahabi, semasa Nabi s.a.w menghantar Muaz bin Jabal *Radiyallahhu an hu* ketika beliau ingin memulakan permusafirannya ke Yaman, ketika itu beliau di atas tunggangannya manakala Nabi s.a.w. mengiringi tunggangannya di bawah , tatkala tunggangannya mula bergerak Nabi s.a.w. berkata kepada Muaz *radiyallahhu an hu* : wahai Muaz ! sesungguhnya engkau tidak akan bertemu dengan aku lagi selepas ini , engkau hanya akan bertemu dengan masjid dan kubur ku, apabila mendengar apa yang telah diucapkan oleh Nabi s.a.w maka Muaz menangis teresak-esak di atas perpisahan yang terjadi , apabila Nabi s.a.w melihat Muaz menangis Nabi berkata : Wahai Muaz! Jangan menangis, sesungguhnya tangisan dan kesedihan itu adalah dari syaitan.¹²

Nabi s.a.w. telah memberikan wasiat nya kepada Muaz *Radiyallahhu an hu* sebelum Muaz berangkat ke Yaman, dengan wasiat inilah Muaz menjalankan gerak kerja dakwahnya di Yaman.

Muaz *Radiyallahhu an hu* telah menceritakan kisah dan apa yang telah diajar oleh Rasulullah s.a.w kepadanya, kata Muaz: Nabi s.a.w telah mengutusku ke Yaman dan Nabi s.a.w. telah bersabda: Wahai Muaz! sesungguhnya engkau akan diutuskan kepada Ahli Kitab , maka serulah mereka kepada penyaksian (syahadah) bahawa sesungguhnya tiada tuhan selain Allah dan sesungguhnya aku adalah Rasulullah (utusan Allah) , sekiranya mereka boleh menerima dan mentaati mu pada perkara itu , maka ajarkan lah mereka

⁹) Hadis riwayat Imam Ahmad, no hadis 22119, ms 36/429.

¹⁰) Hadis riwayat Imam At Tirmizi, bab : *Manaqib Muaz bin Jabal ,Zaid bin Thabit ,Ubaidillah bin Jarrah radiyallahhu an hum*, no hadis 3795,ms 6/139.

¹¹) Dr Ahmad Muhammad al-Alimi, Rehlah Muaz bin Jabal Radiyallahhu anhu Ad Da'awiyyah Ila Al Yaman Kama Waradhat Fi Assunnah, ms 149. (PDF)

¹²) Riwayat Imam Ahmad, Hadis no: 22054 , ms 36/377-378.

tentang kefarduan solat lima waktu sehari semalam yang telah diperintahkan oleh Allah , sekiranya mereka boleh menerima dan mentaatinmu pada perkara itu , maka ajarkanlah mereka tentang kefarduan zakat yang mana harta dari golongan yang kaya di antara mereka diagihkan kepada golongan yang miskin di kalangan mereka , sekiranya mereka boleh menerima dan mentaatinmu , maka waspadalah dirimu terhadap kemuliaan harta mereka ,takutlah dirimu akan doa orang yang dizalimi kerana sesungguhnya tiada hijab di antara doa mereka dan Allah s.w.t.¹³

4. METODOLOGI DAKWAH DARI WASIAT NABI S.A.W. KEPADA MUAZ BIN JABAL RAHN.

i. *Daie* perlu berilmu.

Pemilihan Muaz bin Jabal Radiyallahu an hu sebagai daie yang diutuskan oleh Rasulullah s.w.a. ke Yaman adalah bukti yang jelas dan nyata bahawa seoarang daie itu perlu kepada ilmu yang tinggi dan pengetahuan yang jelas akan perihal syariat Islam, ini kerana dakwah merupakan satu amanah yang besar untuk membawa manusia ke jalan kebenaran, sekiranya daie tidak dilengkarkan dengan ilmu pengetahuan mana mungkin mereka boleh membawa manusia kepada hidayah Allah s.w.t.

Dengan ilmu manusia akan mengetahui halal haram sesuatu perkara, daei yang berjaya adalah daie yang mempunyai kelengkapan ilmu syarie bagi membimbing manusia kepada mentauhidkan Allah seterusnya beribadah kepadaNya dengan cara yang betul seperti mana yang ditunjukkan oleh Nabi s.w.a.

Maka dengan ini, bila mana kita memperhalusi wasiat Nabi s.a.w dan pemilihan Muaz bin Jabal *radiyallahu an hu* sebagai *daie* yang dihantar ke Yaman jelas membuktikan bahawa seorang pendakwah itu sangat perlu kepada kelengkapan ilmu syarie , apa yang terjadi kini bila mana pendakwah yang membawa risalah *nubuwah* turun ke medan dakwah dengan bekalan ilmu yang sedikit dan goyah ianya tidak membawa kepada kejayaan dakwah itu bahkan menjadi egen fitnah kepada agama itu sendiri.

ii. Mengetahui perihal *mad'u*.

Kata Nabi s.a.w kepada Muaz: (sesungguhnya engkau akan diutuskan kepada Ahli Kitab...) ungkapan yang diucapkan oleh Nabi s.a.w. ini , adalah satu ungkapan yang membawa maksud yang besar , bekalan kepada para pendakwah supaya bersedia dan mengetahui pada siapakah mereka akan turun berdakwah .Hal ini merupakan sesuatu perkara yang penting bagi menjamin kejayaan gerak kerja dakwah itu sendiri.

Pendakwah perlu tahu dan kenal siapakah para *mad'u* mereka, ini bagi membolehkan para pendakwah menyampaikan sesuatu perkara itu setaraf dengan akal dan kemampuan *mad'u* dalam menerima isi dakwah yang dibawa oleh para pendakwah.

Dalam lapangan medan dakwah, para *mad'u* ada pelbagai lapisan dan karenah yang berbeza, maka menjadi keperluan kepada para pendakwah mengetahui bagaimana cara yang terbaik dalam menyampaikan isi dakwah kepada *mad'u* dalam situasi hal *mad'u*

¹³) Hadis riwayat Al Bukhari dan Muslim , Sohih Al Bukhari ,Kitab Tauhid , bab Dakwah Nabi kepada ummatnya pada mentauhidkan Allah , no hadis 7372,ms 4/378 , Sohih Muslim,kitab Al Iman, bab dakwah kepada dua syahadah dan syariat Islam , no hadis: 29 ,ms 1/50.

yang berbeza dan mereka mampu serta menerima apa yang disampaikan oleh para pendakwah.

iii. Dakwah secara beransur-ansur.

Dalam wasiat Nabi s.aw. kepada Muaz bin Jabal *radiyallahhu an hu* Nabi mengingatkan Muaz agar memulakan dakwahnya secara berperingkat , memulakan suatu perkara yang lebih penting kepada perkara yang penting. Dari wasiat Nabi s.a.w kepada Muaz , Nabi s.a.w. memerintahkan Muaz supaya memulakan dakwahnya dengan perkara asas dan tunjang dalam agama iaitu mentauhidkan Allah s.w.t .Bila mana ahli Yaman dapat menerima dakwah kepada mentauhidkan Allah barulah Nabi s.a.w. meminta Muaz supaya menyeru mereka kepada Ibadah kepada Allah, bermula dengan solat diikuti dengan zakat dan seterusnya.

Dakwah secara beransur –ansur ini juga merupakan metod dakwah Al-Quran , sebagai contoh perihal pengharaman arak , Allah s.w.t tidak mengharamkan arak sekali gus tetapi Allah mengharamkanya secara berperingkat , begitu juga dengan penurunan Al-Quran kepada Nabi s.a.w ianya turun secara berperingkat tidak sekali gus , hikmah besar tersembunyi dalam menyampaikan dakwah secara berperingkat ianya bagi melatih dan membentuk jiwa para mad'u supaya tidak terperanjat dan dapat menerima sesuatu yang baru secara beransur-ansur .

iv. *Dai'e* perlu berakhlak.

Medan dakwah dan akhlak adalah 2 perkara yang tidak boleh dipisahkan,ianya perlu bergerak seiring bertepatan dengan apa yang difirmankan oleh Allah s.w.t.:

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْخَسَنَةِ وَجَدِلْهُمْ بِالْقِيَمَاتِ الْمُهَمَّةِ
أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهَتَّدِينَ^{١٤٥}

Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya, dan Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.¹⁴

Firman Allah:

فَقُولَا لَهُ وَقُولَا لَيْسَا لَعَلَّهُ وَيَتَذَكَّرُ أَوْ يَخْشَى ۝

"Kemudian hendaklah kamu berkata kepadanya, dengan kata-kata yang lemah-lembut, semoga ia beringat atau takut".¹⁵

Firman Allah:

وَلَا تُجَدِّلُوا أَهْلَ الْكِتَابِ إِلَّا بِالْقِيَمَاتِ الْخَسَنَةِ الَّتِي هُنَّ مُنْهَمُونَ وَقُولُوا عَامَنَا بِاللَّذِي
أُنْزِلَ إِلَيْنَا وَأُنْزِلَ إِلَيْكُمْ وَإِنَّهُمَا وَإِنَّهُمْ وَاحِدٌ وَنَحْنُ لَهُ وَمُسْلِمُونَ ۝

¹⁴) Surah An Nahl ayat 125.

¹⁵) Surah Taha ayat 44.

Dan janganlah kamu berbahas dengan Ahli Kitab melainkan dengan cara yang lebih baik, kecuali orang-orang yang berlaku zalim di antara mereka; dan katakanlah (kepada mereka): "Kami beriman kepada (Al-Quran) yang diturunkan kepada kami dan kepada (Taurat dan Injil) yang diturunkan kepada kamu; dan Tuhan kami, juga Tuhan kamu, adalah Satu; dan kepadaNyalah, kami patuh dengan berserah diri.¹⁶

Kesemua dalil di atas adalah seruan Allah s.w.t supaya pendakwah berdakwah dengan akhlak dan adab. Oleh yang demikian itu Nabi s.a.w tidak lupa untuk berwasiat kepada Muaz *Radiyallahhu anhu* agar berakhlek dengan akhlak yang baik ketika berada di medan dakwah , akhlak yang baik adalah dakwah yang terbaik bagi menyampaikan mesej Islam kepada mad'u. Tiada gunanya seorang pendakwah berdakwah dengan hujah-hujah Islam tetapi pada diri mereka tiada contoh tauladan yang baik. Pendakwah yang tidak berakhlek dan tidak beradab dengan adab yang baik akan membawa cerminan yang salah dan fitnah untuk agama Islam yang suci.

v. Daie perlu turun ke medan dakwah.

Bagi merialisasikan hadaf penyebaran dakwah ke seluruh alam, daie mestalah turun ke medan dakwah, ini bermakna seoarang daie tidak boleh hanya menunggu mad'u untuk datang kepada mereka, bahkan para daie yang lebih perlu mencari mad'u dan menyampaikan mesej serta risalah Islam. Nabi s.a.w sebagai contoh tidak hanya menunggu orang-orang musyrikin Quraisy datang dan bertanya kepada Nabi akan syariat Islam bahkan Nabi s.a.w mengetuk pintu-pintu rumah mereka dan bertemu dengan mereka di mana sahaja peluang yang ada bagi Nabi s.a.w menyampaikan risalah tauhid dan kecantikan Islam.

Nabi s.a.w juga menghantar utusan-utusan para daie ke negeri-negeri yang berdekatan, berjumpa pembesar-pembesar negeri menyeru mereka kepada Islam. Nabi s.a.w menghantar Muaz bin Jabal *Radiyallahu anhu* ke Yaman dan Mus ab bin Umair ke Madinah bagi menyebar luaskan dakwah Islamiah.Kemudian para daie bermukim bersama para mad'u mengajar dan menjadi rujukan kepada mereka bila mana mereka memerlukan fatwa dan bertanya apa sahaja yang mereka tidak ketahui akan hal ehwal syariat Islam.

5. KESIMPULAN

Wasiat Nabi s.a.w kepada Muaz bin Jabal *Radiyallahhu an hu* adalah satu wasiat agung yang harus dipegang oleh para daie sebagai satu rujukan dan bekalan bila mana mereka turun ke medan dakwah. Para daie harus mempunyai ilmu yang cukup, mempunyai strategi dakwah yang jelas , mengetahui perihal mad'u yang ingin di dekati , tidak tergesa-gesa dalam berdakwah , menampilkkan akhlak dan contoh tauladan yang baik kepada mad'u dan sedia berkorban masa , harta dan tenaga untuk turun ke medan dakwah adalah kunci kejayaan dakwah yang dibawa.

Keutamaan isi dakwah adalah mengajak manusia kepada mentauhidkan Allah dengan cara dan jalan yang sohih, kemudian kepada pengabdian diri dengan ibadah yang difardukan dengan penuh keikhlasan hati dan mencantikkan diri dengan akhlak yang baik dan terpuji.

¹⁶) Surah Al Ankabut ayat 46.

6. RUJUKAN

Al Quran Al Karim .

Abu al Hassan Ali Izuddin Ibnu Athir, *Usudul Ghabah Fi Ma'rifat As Sohabah*, Muhaqqiq: Ali Muhammad Muawwad, Dar Kutub Al Ilmiyyah, Cetakan Pertama 1994.

Dr. Ahmad Muhammad Al Alimi, *Rehlah Muaz Bin Jabal Radiyallahu an hu Ad Da'awiyyah Ila Yaman Kama Waradat Fi Sunnah An Nabawiyyah*, PDF.

Saifuddin Al Khatib, *Sisilah A'lam As Sohabah , As Sohabiyul Al Jalil Muaz Bin Jabal Radiyallahu an hu* , Muassasah Iz Zuddin –Bierut,1981.

Muhammad bin Ismail Al Bukhari, *Sohih Imam al Bukhari*, tahqiq: Muhammad Zahir bin Nasir, Dar Thuq An Najah, cetakan pertama 1422h.

Muslim bin Al Hajjaj Abu Al Hassan An Naisaburi, *Sahih Muslim*, tahqiq: Muhammad Fuad Abdul Baqi, Dar Ihya' At Thurath al Arabi-Bierut.

Abu Abdullah Ahmad bin Muhammad bin Hambal ,*Musnad Imam Ahmad* , tahqiq : Syuib Ar Naut ,Adil Mursyid ,Seliana dr Abdullah bin Abdul Mukhsin At Turki, Muassah Ar Risalah ,Cetakan pertama 2001.

Abu Al Qasim Abdullah bin Muhammad Al Baghawi, *Mu'jam As Sohabah*, Tahqiq:
Muhammad Al Amin bin Muhammad, maktabah Dar Al Bayan-Kuwait, cetakan pertama 2000.

Abu Nuaim Ahmad bin Abdullah Bin Ahmad Al asbahani, *Ma'rifat As Sohabah*, tahqiq: Dr Adil Yusof Al Azazi,Dar Al watan-Riyadh,cetakan pertama 1998.